Soalan 1 (a)

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Dt (RM)	Kt (RM)
1.6.2007	Tunai	500	
	Bank	10000	
	Perabot	1600	
	Modal		12100
	(Merekod aset liabiliti dan ekuiti pemilik pada tarikh ini)		
6.6.2007	Alatan Pejabat	1,200	
	Belian		1,200
	(Pemilik mengambil komputer dari stok untuk kegunaan pejabat)		

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	Jumlah (RM)
3.6.2007	Syarikat Dellux	27,000
30.6.2007	Akaun Belian (Dt)	27,000

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	Jumlah (RM)
11.6.2007	Kedai Meng	8,100
20.6.2007	Kedai Meng	450 ~~1,800~~
30.6.2007	Akaun Jualan (Kt)	~~9,900~~
		8550

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	Jumlah (RM)
14.6.2007	Syarikat Dellux	1,500
30.6.2007	Akaun Pulangan Belian (Kt)	1,500

2007 T4 P2

7½

Soalan 1 (a)

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Disk	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Disk	Tunai	Bank
1.6.2007	Modal		500	10,000	2.6.2007	Lengkapan			3,200
18.6.2007	Bank		600		17.6.2007	Syarikat Dellux			5,000
30.6.2007	Jualan			2,300	18.6.2007	Tunai			600
					22.6.2007	Sewa			800
					28.6.2007	Gaji		650	
					30.6.2007	Baki h/b		450	2,700
		0	1,100	12,300			-	1,100	12,300
1.7.2007	Baki b/b		450	2,700					

4½

Soalan 1 (b)

Akaun Modal

1.6.2007	Tunai	5,000
1.6.2007	Bank	10,000
1.6.2007	Perabot	1,600

Akaun Perabot

1.6.2007	Modal	1,600

Akaun Alatan Pejabat

6.6.2007	Belian	1,200

Akaun Belian

30.6.2007	Pemiutang	27,000	6.6.2007	Alatan Pejabat	1,200

Syarikat Dellux

14.6.2007	Pulangan Belian	1,500	3.6.2007	Belian	2,7000
17.6.2007	Bank	5,000			

Akaun Jualan

			8350
30.6.2007	Penghutang		~~9,900~~
30.6.2007	Bank		2,300

Akaun Kedai Meng

11.6.2007	Jualan	8,100
20.6.2007	Jualan	450 ~~1,800~~

Akaun Pulangan Belian

30.6.2007	Pemiutang	1,500

Akaun Sewa

22.6.2007	Bank	800

Akaun Lengkapan

2.6.2007	Bank	3,200

Akaun Gaji

28.6.2007	Tunai	650

9

Soalan 1 (c)

Imbangan Duga Pada 30.6.2007

Butir	Dt (RM)	Kt (RM)
Modal		12,100
Perabot	1,600	
Alatan Pejabat	1,200	
Belain	25.800	
Jualan		10850 ~~12,200~~
Syarikat Dellux		20,500
Pulangan Belian		~~850~~ 1,500
Kedai Meng	8850 ~~9,900~~	
Lengkapan	3,200	
Sewa	800	
Gaji	650	
Tunai	450	
Bank	2,700	
	~~46,300~~ 44950	~~46,300~~ 44950

7

Soalan 2

Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30.Jun.2007

Jualan			45,000
- Pulangan masuk			160
			44,840
Tolak Kos Jualan :			
Stok Awal		6,000	
+ Belian	21900		
+ Angkutan masuk	300	22,200	
		28,200	
- Stok Akhir		4,850	23,350
Untung Kasar			21,490
+ Hasil			
Diskaun Diterima		180	
			180
			21,670
- Belanja			
Kadar bayaran		2,220	
Insurans		1,600	
Gaji		9,600	
Peruntukan hutang ragu		20	
Peruntukan Susut Nilai ~~Berabot~~		1,000	
			14,440
Untung Bersih			7,230

10

Kunci Kira-Kira Pada 30.6.2007

Aset Tetap	RM	RM	RM
Alatan Pejabat		10,000	
- Peruntukan Susut Nilai		3,000	7,000
Aset Semasa			
Stok Akhir		4,850	
Penghutang	6,000		
- Peruntukan Hutang Ragu	120	5,880	
Bank		13,320	
		24,050	
Tolak Liabiliti Semasa :			
Pemiutang	4,200		
Kadar bayaran terakru	220	4,420	
Modal Kerja			19,630
			26,630
Ekuiti Pemilik			
Modal			20,000
+ Untung Bersih			7,230
			27,230
- Ambilan			600
			26,630

8

18

3(a)

	Perabot RM	Kenderaan RM	Stok RM	Penghutang RM	Tunai RM	Pemiutang RM	Gaji terakru	Modal RM
		40000	3400	3200	6500	2600	500	50000
I			700			700		
Ii			-1000	+1800				+800
Iii					-500		-500	
Iv					-540	-600		+60
V					-320			-320
vi	+2100							+2100
vii				-650	+650			
viii					-80			-80

(9)

3(b)

Perniagaan Jiny
Kunci kira-kira pada 31 Julai 2007

	RM		RM
Aset Bukan Semasa		Ekuiti Pemilik	
Kenderaan	40000	Modal	52100
Perabot	2100	+ Untung bersih	460
			52560
Aset Semasa			
Stok	3100	Liabiliti Semasa	
Penghutang	4350	Pemiutang	2700
Tunai	5710		
	55260		55260

(2) (4)

5(a)

	Jika van disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus		Jika van disusutnilaikan mengikut kaedah baki berkurangan	
Tahun kewangan berakhir 31 Dis	Belanja susut nilai RM	Peruntukan susut nilai RM	Belanja susut nilai RM	Peruntukan susut nilai RM
2004	3000	3000	3000	3000
2005	6000	9000	5700	8700
2006	6000	15000	5130	13830

(6m)

Buku Tunai Runcit

Tarikh	Butir	Penerimaan RM	Pembayaran	Analisis Pembayaran			
				Alat tulis	Belanja Pos	Bel.Angkutan	Pelbagai
1.5.2007	Tunai	200					
2.5.2007	Pen dan pensil		16	16			
5.5.2007	Perkhidmatan kurier		12		12		
8.5.2007	Belian		50				50
10.5.2007	Kertas dan dakwat		35	35			
11.5.2007	Pembaikian tingkap		25				25
13.5.2007	petrol		40			40	
14.5.2007	stem		5		5		
		200	183	51	17	40	75
15.5.2007	Baki h/b		17				
		200	200				
16.5.2007	Baki b/b	17					
16.5.2007	Tunai	183					

9

5(b)

Akaun Peruntukan Hutang Ragu

31.12.04	Baki h/b	390	31.12.04	Untung Rugi	390
31.12.05	Untung Rugi	70	1.1.05	Baki b/b	390
31.12.05	Baki h/b	320			
		390			390
31.12.06	Baki h/b	445	1.1.06	Baki b/b	320
			31.12.06	Untung Rugi	125
		445			445
			1.1.07	Baki b/b	445

6

6

Akaun Sewa Diterima

1.1.06	Baki b/b	600	31.12.06	Tunai	2,500
31.12.06	Untung Rugi	2700	31.12.06	Baki h/b	800
		3,300			3,300

Akaun Kadar Bayaran

31.12.06	Tunai	1,200	1.1.06	Baki b/b	120
31.12.06	Baki h/b	100	31.12.06	Untung Rugi	1,180
		1,300			1,300

Akaun Iklan

1.1.06	Baki b/b	200	31.12.06	Untung Rugi	2,210
31.12.06	Tunai	1,450			
31.12.06	Baki h/b	560			
		2,210			2,210

12

SMJK KWANG HUA, KLANG
PEPERIKSAAN PENGGAL 2 2007
PRINSIP PERAKAUNAN TINGKATAN 4
KERTAS 2
MASA : 2 JAM 30 MINIT

Bahagian A
Jawab semua soalan.

1. Pada 1 Jun 2007, En. Tee memulakan Perniagaan Ikomp yang menjual komputer dengan aset-aset berikut :

	RM
Tunai di tangan	500
Tunai di bank	10000
Perabot	1600

Sepanjang bulan Jun, urus niaga Perniagaan Ikomp adalah seperti yang ditunjukkan dalam dokumen-dokumen dalam Lampiran A.

Anda dikehendaki :
(a) Menyediakan buku catatan pertama yang sesuai termasuk buku tunai (Jurnal penerimaan tunai dan Jurnal pembayaran tunai tidak diperlukan).
(b) Memindahkan catatan daripada buku catatan pertama ke lejar.
(c) Menyediakan Imbangan Duga pada 30 Jun 2007. (28m)

2. Imbangan Duga Perniagaan Ching pada 30 Jun 2007 adalah seperti berikut:

Imbangan Duga pada 30 Jun 2007

	Debit RM	Kredit RM
Stok awal	6000	
Alatan pejabat	10000	
Belian dan Jualan	22000	45000
Pulangan masuk	160	
Angkutan masuk	300	
Kadar bayaran	2000	
Insurans	1600	
Gaji	9600	
Diskaun diterima		180
Ambilan	500	
Modal		20000
Penghutang dan Pemiutang	6000	4200
Peruntukan hutang ragu		100
Bank	13320	
Peruntukan susut nilai alatan pejabat		2000
	71480	71480

Maklumat tambahan :
(i) Stok pada 30 Jun 2007 bernilai RM 4850 pada kos dan RM 5880 pada harga pasaran.
(ii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas penghutang bersih.
(iii) Peruntukan susut nilai alatan pejabat ialah 10% setahun atas kos.
(iv) Ambilan barang niaga sebanyak RM100 terlupa direkod.
(v) Kadar bayaran terakru RM 220.

Anda dikehendaki menyediakan :
(a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2007.
(b) Kunci kira-kira pada 30 Jun 2007 dalam bentuk penyata. (18m)

3. Berikut ialah Kunci Kira-kira Perniagaan Jiny pada 30 Jun 2007.

Perniagaan Jiny
Kunci kira-kira pada 30 Jun 2007

	RM		RM
Aset Bukan Semasa		**Ekuiti Pemiljk**	
Kenderaan	40000	Modal	50000
Aset Semasa			
Stok	3400	**Liabiliti Semasa**	
Penghutang	3200	Pemiutang	2600
Tunai	6500	Gaji terakru	500
	53100		53100

Urus niaga yang berlaku pada bulan Julai 2007 adalah seperti berikut :

(i) Beli barang niaga RM 700 secara kredit.
(ii) Jual barang niaga bernilai RM 1000 dengan harga RM 1800 secara kredit.
(iii) Jelaskan gaji terakru secara tunai.
(iv) Bayar pemiutang tunai RM 540 setelah ditolak diskaun RM60.
(v) Bayar sewa sebanyak RM 320 dengan tunai.
(vi) Pemilik bawa masuk perabot bernilai RM 2100 untuk kegunaan pejabat.
(vii) Penghutang menjelaskan hutangnya bernilai RM 650 dengan tunai.
(viii) Bayar belanja membaiki kenderaan RM 80 secara tunai.

Anda dikehendaki

(a) menunjukkan kesan urus niaga tersebut ke atas persamaan perakaunan dengan mengisi jadual yang di bawah.

(b) menyediakan Kunci kira-kira pada 31 Julai 2007 .

(13m)

3(a)

	Perabot RM	Kenderaan RM	Stok RM	Penghutang RM	Tunai RM	Pemiutang RM	Gaji terakru	Modal RM
		40000	3400	3200	6500	2600	500	50000
I								
ii								
iii								
vi								
V								
vi								
vii								
viii								

4. Perniagaan TL menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar bermula 1 Mei 2007. Wang permulaan RM 200 diperuntukkan sebagai dana runcit.

Penerimaan tunai dari ketua juruwang dilakukan pada awal setiap setengah bulan. Berikut ialah urus niaga yang dipetik bagi setengah bulan pertama Mei 2007.

		RM
Mei 2	Beli pen dan pensil	16
5	Bayar perkhidmatan kurier	12
8	Beli barang niaga	50
10	Beli kertas dan dakwat	35
11	Pembaikian tingkap	25
13	Bayar petrol	40
14	Beli stem	5
15	Bayar upah pekerja	500
16	Terima tunai dari ketua juruwang	?

Anda dikehendaki mencatat urus niaga di atas ke dalam Buku Tunai Runcit dengan ruangan analisis Alat Tulis, Belanja Pos, Belanja Pengangkutan dan Pelbagai.

(9m)

Bahagian B
Jawab satu soalan sahaja

5.(a) Pada 1 Julai 2004, Syarikat MCL telah membeli sebuah van berkos RM 60000 untuk kegunaan perniagaan. Dia menetapkan susut nilai pada 10% setahun.
Kira susut nilai dan peruntukan susut nilai bagi setiap tahun kewangan dengan melengkapkan jadual berikut.

	Jika van disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus		Jika van disusutnilaikan mengikut kaedah baki berkurangan	
Tahun kewangan berakhir 31 Dis	Susut nilai RM	Peruntukan susut nilai RM	Susut nilai RM	Peruntukan susut nilai RM
2004				
2005				
2006				

(6m)

5.(b) Perniagaan Rizuan mempunyai jumlah penghutang seperti berikut:

Tahun berakhir 31 Disember	Penghutang RM
2004	7800
2005	6400
2006	8900

Dasar Perniagaan Rizuan ialah untuk mewujudkan peruntukan hutang ragu pada kadar 5 % atas penghutang pada setiap tahun.
ANDA DIKEHENDAKI menyediakan Akaun Peruntukan Hutang Ragu dari tahun 2004 hingga 2006.

(6m)

6. Maklumat-maklumat yang berikut telah diambil daripada buku lejar Hendry Enterprise.

	1 Jan 2006 RM	31 Dis 2006 RM
Sewa diterima terakru	600	800
Kadar bayaran terakru	120	100
Iklan terdahulu	200	-
Iklan terakru	-	560

A/K Tunai 2006 (Petikan)

	RM		RM
Sewa diterima	2500	Kadar bayaran	1200
		Iklan	1450

Anda dikehendaki menyediakan :

(a) Akaun Sewa diterima
(b) Akaun Kadar bayaran
(c) Akaun Iklan

(12m)

SELAMAT MAJU JAYA

Disediakan oleh : LMT

Tarikh : 2 Jun 2007
Penerima : Keng Heng Sdn Bhd
Untuk : penghawa dingin

	Ringgit	Sen
Baki Awal	10000	00
Dimasukkan	-	
Jumlah	10000	00
Cek Ini	3200	00
Baki Akhir	6800	00

KERATAN CEK

Dokumen 1

INVOIS
SYARIKAT DELLUX
5, Jalan Barat,
Kuala Lumpur.

Kepada,
Perniagaan Ikomp
16, Jalan Selesa,
41100 Klang.

N0 : 189
3 Jun 2007

KUANTITI	BUTIR	HARGA SEUNIT	JUMLAH
10 unit	Komputer Model PT1	RM1200	RM 12000
10 unit	Komputer Model PT2	RM1500	15000
			27000

Ringgit: Dua puluh tujuh ribu sahaja

K & K.D.K
5% 10 hari, 2% 30 hari

LIM
T.T. Pengurus

DOKUMEN 2

MEMO

PERNIAGAAN IKOMP
16, Jalan Selesa
41100 Klang

Tarikh: 6 Jun 2007

Peringatan:

Pemilik En. Tee telah mengambil sebuah komputer bernilai RM 1200 dari stok untuk *kegunaan pejabat.*

T.T Pengurus

INVOIS
PERNIAGAAN IKOMP
16, Jalan Selesa,
41100 Klang.

Kepada,
Kedai Meng
5, Jalan Murni,
42100 Klang.

N0 : 001
11 Jun 2007

KUANTITI	BUTIR	HARGA SEUNIT	JUMLAH
5 unit	Komputer Model PT1	RM1800	RM 9000
	Tolak diskaun niaga 10 %		900
			8100

Ringgit: Lapan ribu satu ratus sahaja

K & K.D.K
Diskaun tunai : 2% 10 hari

T.T. Pengurus

Dokumen 4

NOTA KREDIT
SYARIKAT DELLUX
5, Jalan Barat,
Kuala Lumpur.

Kepada,
Perniagaan Ikomp
16, Jalan Selesa,
41100 Klang.

N0 : 049
14 Jun 2007

Akaun tuan telah dikreditkan seperti berikut:

KETERANGAN	JUMLAH
1 unit komputer model PT2 dipulangkan kerana tidak boleh berfungsi.	RM 1500

Ringgit: Seribu lima ratus sahaja

LIM
T.T. Pengurus

Dokumen 5

RESIT

5, Jalan Barat
Kuala Lumpur

Tarikh : 17 Jun 2007

Diterima daripada: Perniagaan Ikomp

Jumlah Ringgit : Lima ribu sahaja

Bayaran untuk : Menjelaskan sebahagian invois no 189

RM 5000/=

LIM
T.T. Pengurus

Tunai/No.Cek: 289110 (PBB)

DOKUMEN 6

Tarikh : 18 Jun 2007
Penerima : Perniagaan Ikomp
Untuk : Kegunaan Pejabat

	Ringgit	Sen
Baki Awal	1800	00
Dimasukkan	-	
Jumlah	1800	00
Cek Ini	600	00
Baki Akhir	1200	00

KERATAN CEK

DOKUMEN 7

NOTA DEBIT
PERNIAGAAN IKOMP
16, Jalan Selesa,
41100 Klang.

Kepada,
Kedai Meng
5, Jalan Murni,
42100 Klang.

No. : 001
20 Jun 2007

Akaun tuan telah didebitkan seperti berikut:

KETERANGAN	JUMLAH
5 unit komputer terkurang caj kerana diskaun niaga seharusnya 5%	RM 450

Ringgit : Empat ratus lima puluh sahaja.

T.T Pengurus

Dokumen 8

RESIT

Lokman Holdings
16, Jalan Semangat,
41000 Klang.

Tarikh : 22 Jun 2007

Diterima daripada: Perniagaan Ikomp

Jumlah Ringgit : Lapan ratus sahaja.

Bayaran untuk : Sewa

RM 800/=

Tunai/No.Cek: 189100 (MBB)

T.T. Pengurus

Dokumen 9

PERNIAGAAN IKOMP
16, Jalan Selesa
41100 Klang
BAUCER PEMBAYARAN

Kepada
Cik Rosnah

V001
Tarikh: 28 Jun 2007

Tarikh	Butir	Jumlah
28.6.2007	Gaji Bulan Jun	RM 650.00

Ringgit: Enam Ratus Lima Puluh Sahaja
Tunai /No Cek :

Penerima

T.T Pengurus

DOKUMEN 10

BIL TUNAI
PERNIAGAAN IKOMP
16, Jalan Selesa,
41100 Klang.

Kepada,
En Sundram

No : 001
30 Jun 2007

KUANTITI	BUTIR	HARGA SEUNIT	JUMLAH
1 unit	Komputer Model PT2	RM2300	RM 2300

Ringgit: Dua ribu tiga ratus sahaja
RM 2300
Tunai / No Cek : PBB289111

T.T Pengurus

Dokumen 11

SMJK KWANG HUA ,KLANG
PEPERIKSAAN PENGGAL 2 2007
PRINSIP PERAKAUNAN TINGKATAN 4
KERTAS 1 MASA : 1 jam 15 minit

Kertas ini mengandungi 40 soalan. Jawab **semua** soalan.

1. Yang manakah merupakan fungsi dan kuasa MASB ?

I mengeluarkan piawaian perakaunan yang sah
II mengeluarkan penyata prinsip untuk laporan kewangan
III menentukan skop dan aplikasi piawaian perakaunan
IV mengadakan peperiksaan awam untuk menentukan taraf profesion perakaunan

A. I, II dan III B. I, II dan IV C. I, III dan IV D. II, III dan IV

2. Syarikat Berhad dianggap sebagai organisasi perniagaan yang wujud selama-lamanya. Pernyataan di atas menerangkan konsep

A. entiti berasingan B. tempoh perakaunan
C. badan berterusan D. akruan

Item perakaunan yang 'penting' sahaja berhubung dengan saiz perniagaan dan kos penyediaan akaun sahaja diambilkira dalam hal perakaunan.

3. Pernyataan di atas menerangkan konsep

A. entiti berasingan B. kos sejarah C.tempoh perakaunan D. materialiti

4. Liabiliti terhad bererti

A. liabiliti seorang peniaga terhad kepada jumlah modal yang telah dilaburkan.
B. rakan kongsi menanggung rugi yang terhad.
C. kuasa undi pemegang saham dalam Mesyuarat Agung Tahunan adalah terhad kepada bilangan saham yang dimiliki.
D. harta peribadi pemilik boleh dirampas untuk membayar hutang perniagaan.

5. Antara berikut, manakah yang BUKAN merupakan belanja kendalian sesebuah perniagaan ?

A. angkutan masuk
B. diskaun diberi
C. belian barang niaga
D. rugi pelupusan aset bukan semasa

6. Pulangan belian RM 60 . Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan ?

I stok bertambah RM 60
II stok berkurang RM 60
III pemiutang bertambah RM 60
IV pemiutang berkurang RM 60

A. I dan III B. I dan IV C. II dan III D. II dan IV

7. Aset semasa perniagaan ialah

A. barang-barang yang dibeli untuk kegunaan perniagaan
B. barang-barang tahan lama yang dibeli untuk dijual semula
C. aset yang boleh bertukar menjadi tunai dalam jangka pendek
D. aset yang digunakan dalam mengendalikan perniagaan untuk menghasilkan pendapatan

8. Antara berikut, yang manakah merupakan liabiliti bukan semasa ?

A. modal B. gadai janji C. overdraf bank D. pemiutang

9. Kedai Meng mempunyai aset dan liabiliti berikut pada 1 Jan 2007.

Alatan pejabat	RM 5200
Lengkapan	RM 4900
Pemiutang	RM 2800
Penghutang	RM 1300
Pinjaman bank	RM 5000
Overdraf bank	RM 2300
Tunai	RM 1250
Stok	RM 800

Berapakah modal Kedai Meng pada 1 Jan 2007 ?

A. RM 3350 B. RM 7950 C. RM 17950 D. RM 23550

P menunjukkan kedudukan kewangan sesuatu perniagaan pada suatu tarikh tertentu, biasanya pada akhir tempoh perakaunan.

10. Berdasarkan pernyataan di atas, P merujuk kepada

A. Imbangan Duga B. Akaun Untung Rugi
C. Penyata Pendapatan D. Kunci Kira-kira

11. Antara dokumen berikut, yang manakah akan memberi maklumat pembayaran gaji kepada pekerja ?

A. bil tunai B. baucar bayaran C. makluman kredit D. nota debit

12. Antara dokumen berikut, yang manakah menunjukkan penerimaan wang dalam Akaun Bank?

I makluman kredit
II resit rasmi (salinan)
III nota debit
IV keratan cek

A. I dan II B. I dan IV C. II dan III D. III dan IV

13. Antara berikut, yang manakah benar tentang diskaun niaga ?

A. Diskaun niaga diberi untuk menggalakkan pembelian secara tunai.
B. Diskaun niaga diberi untuk menggalakkan pembelian secara pukal.
C. Diskaun niaga diberi untuk menggalakkan pembayaran secara tunai.
D. Diskaun niaga diberi untuk menggalakkan pembayaran yang lebih cepat.

14. Apakah fungsi penyata akaun yang dihantar kepada pelanggan ?

A. Untuk membuat pesanan daripada pembekal
B. Untuk memberitahu pelanggan tentang hutangnya
C. Untuk memberitahu pelanggan tentang harga barang yang dijual kepadanya
D. Untuk memberitahu pelanggan tentang kuantiti barang yang dihantar kepadanya

15. Antara yang berikut, manakah BUKAN Buku Catatan Pertama ?

A. Lejar Jualan B. Buku Tunai Runcit
C. Jurnal Am D. Buku Tunai

16. Urusniaga yang manakah dicatatkan ke dalam buku tunai tiga ruangan ?

A. cek tak layan B. diskaun diberi dibatalkan
C. beli aset secara kredit D. ambilan barang niaga

17. Jurnal Am digunakan untuk merekod
I hutang lapuk dihapuskan
II beli atau jual aset bukan semasa secara tunai
III pembatalan diskaun tunai akibat daripada cek tak layan
IV aset bukan semasa yang dibawa masuk ke dalam perniagaan oleh pemilik
A. I, II dan III B. I, II dan IV C. I, III dan IV D. II, III dan IV

18. Pada awal bulan, juruwang Syarikat Amros memberi juruwang runcitnya RM 300. Berapakah jumlah yang akan dibayar balik kepada juruwang runcit pada akhir bulan itu jika dia telah membelanjakan RM 210 ?

A. RM 90 B. RM 210 C. RM 300 D. RM 390

19. Linda, pemilik kedai alat tulis mengambil alat tulis dari stok untuk kegunaan pejabat. Apakah catatan bergu untuk urus niaga tersebut ?

A. Debit Akaun Alat tulis, Kredit Akaun Belian
B. Debit Akaun Alat tulis, Kredit Akaun Stok
C. Debit Akaun Ambilan, Kredit Akaun Belian
D. Debit Akaun Ambilan, Kredit Akaun Stok

20. Antara akaun berikut yang manakah dikelaskan sebagai Akaun Perorangan ?

I Akaun Pemiutang III Akaun Hutang Lapuk
II Akaun Ambilan IV Akaun Modal

A. I, II dan III B. I, II dan IV C. I, III dan IV D. II, III dan IV

21. Apakah fungsi lajur folio dalam lejar ?

A. merekod nombor cek
B. merekod nombor dokumen perniagaan
C. merekod rujukan baki h/b dan baki b/b sahaja
D. merekod nombor rujukan halaman buku catatan pertama

22. Antara pernyataan berikut, yang manakah BENAR ?

A. Untuk merekod tambahan aset, Akaun Aset haruslah didebitkan.
B. Untuk merekod tambahan liabiliti, Akaun liabiliti haruslah didebitkan.
C. Untuk merekod pengurangan liabiliti, Akaun liabiliti haruslah dikreditkan.
D. Untuk merekod tambahan modal, Akaun modal haruslah didebitkan.

23. Akaun-akaun yang berikut merupakan Akaun Nyata KECUALI

A. Akaun Premis B. Akaun Tunai
C. Akaun Peralatan D. Akaun Alat tulis

24. Akaun yang manakah boleh berbaki kredit ?

A. tunai B. bank C. pulangan masuk D. angkutan keluar

25. Imbangan duga biasanya disediakan pada akhir tempoh perakaunan. Antara berikut, yang manakah ialah fungsi Imbangan Duga ?

A. menyenaraikan baki semua akaun dalam lejar
B. menyenaraikan aset dan liabiliti perniagaan
C. menyenaraikan catatan bergu bagi semua akaun
D. menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan

26. Akaun yang manakah TIDAK dicatat ke dalam imbangan duga ?

A. stok akhir B. hutang lapuk C. overdraf bank D. komisen

27. Antara akaun-akaun berikut, yang manakah akan direkod di sebelah debit Imbangan Duga ?

I Akaun Stok
II Akaun Ambilan
III Akaun Angkutan masuk
IV Akaun Pulangan Belian

A. I, II dan III B. I, II dan IV C. I, III dan IV D. II, III dan IV

28. Belanja yang belum dibayar pada akhir tempoh perakaunan ialah _____ dalam kunci kira-kira.

A. aset semasa
B. aset bukan semasa
C. liabiliti semasa
D. liabiliti bukan semasa

29. Semua pelarasan bagi hasil dan belanja dibuat pada

A. akhir tahun
B. akhir setiap bulan
C. pertengahan tahun
D. akhir tahun kewangan

Dalam imbangan duga, nilai insurans adalah RM 3800. Insurans sebanyak RM 600 dibayar terdahulu.

30. Berapakah nilai insurans yang akan dipindahkan ke Akaun Untung Rugi ?

A. RM 600 B. RM 3200 C. RM 3800 D. RM 4400

Berikut ialah maklumat tentang mesin pada 1 Jan 2006 Harga kos RM 6000 Nilai buku RM 4800 Bagi tahun berakhir 31 Dis 2006, mesin itu disusutnilaikan dengan kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

31. Kirakan belanja susut nilai mesin bagi tahun berakhir 31 Dis 2006

A. RM 120 B. RM 480 C. RM 600 D. RM 1200

32. Antara berikut ialah perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan ketika menghitung susut nilai aset KECUALI

A. kos pembaikian
B. jangka usia penggunaan aset
C. nilai skrap aset
D. harga kos belian

33. Kaedah-kaedah yang digunakan untuk mengira susut nilai ialah

I kaedah ansuran tetap
II kaedah akruan
III kaedah baki berkurangan
IV kaedah penilaian semula

A. I, II dan III
B. I, II dan IV
C. I, III dan IV
D. II, III dan IV

34. Hutang yang telah dihapuskan sebagai hutang lapuk tetapi dijelaskan oleh penghutang itu kemudiannya dikenal sebagai

A. hutang ragu
B. peruntukan hutang ragu
C. hutang lapuk
D. hutang lapuk terpulih

35. Catatan bergu untuk merekod hutang lapuk ialah

A. Debit Akaun Penghutang , Kredit Akaun Hutang lapuk
B. Debit Akaun Hutang lapuk , Kredit Akaun Penghutang
C. Debit Akaun Untung Rugi, Kredit Akaun Penghutang
D. Debit Akaun Hutang lapuk, Kredit Akaun Untung Rugi

36. Modal kerja ialah

A. aset tolak liabiliti
B. aset semasa tolak liabiliti semasa
C. liabiliti semasa tolak aset semasa
D. aset semasa campur liabiliti semasa

37. Antara yang berikut, manakah aset semasa ?

A. sewa diterima terdahulu
B. stok alat tulis
C. gaji terakru
D. overdraf bank

38. Jika Akaun Untung Rugi mempunyai jumlah debit melebihi jumlah kredit. Ini bermaksud perniagaan

A. mengalami rugi kasar
B. memperoleh untung kasar
C. mengalami rugi bersih
D. memperoleh untung bersih

Imbangan Duga Kedai Ling pada 31 Dis 2006 menunjukkan nilai yang berikut :	
Penghutang	RM 8000
Peruntukan hutang ragu	RM 600

39. Pada 31 Dis 2006, Kedai Ling memperuntukkan peruntukan hutang ragu 5% atas penghutang bersih, catatan pada Kunci kira-kira Kedai Ling pada 31 Dis 2006 adalah

A. Kunci Kira-kira pada 31 Dis 2006

Aset Semasa		
Penghutang	8000	
- Peruntukan hutang ragu	200	7800

B. Kunci Kira-kira pada 31 Dis 2006

Aset Semasa		
Penghutang	8000	
- Peruntukan hutang ragu	370	7630

C. Kunci Kira-kira pada 31 Dis 2006

Aset Semasa		
Penghutang	8000	
- Peruntukan hutang ragu	400	7600

D. Kunci Kira-kira pada 31 Dis 2006

Aset Semasa		
Penghutang	8000	
- Peruntukan hutang ragu	600	7400

40. Antara berikut ialah butiran berkaitan dengan ekuiti pemilik KECUALI

A. ambilan oleh pemilik perniagaan
B. rugi yang dialami oleh perniagaan
C. pinjaman daripada bapa pemilik perniagaan
D. modal yang dilaburkan oleh pemilik perniagaan

SELAMAT MAJU JAYA

Disediakan oleh : LMT